

PM umum barisan kabinet jam 12 tengahari
Malaysiakini.com
Mar 18, 2008

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengumumkan barisan anggota kabinet yang baru pada jam 12 tengahari ini.

Abdullah mengadap Yang di-Pertuan Agong pagi ini sebelum mengadakan sidang akhbar khas di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Stesen-stesen TV utama dijangka mengadakan siaran langsung pengumuman tersebut.

Dilaporkan, Abdullah dijangka mengumumkan barisan kabinet yang lebih kecil dan melantik lebih ramai muka baru yang menang dalam pilihanraya umum 8 Mac lalu.

Difahamkan, beberapa kementerian akan digabungkan bagi mengelak pertindihan bidang kuasa.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/79990>